

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu "*Common Bar Course*" untuk menyeragamkan kriteria-kriteria kemasukan graduan-graduan ke dalam profesion undang-undang dan meningkatkan mutu graduan-graduan tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Common Bar Course* yang proses pembelajaran dan ujiannya adalah sama bagi setiap graduan undang-undang dihasratkan menjadi laluan masuk untuk menjadi seorang peguam di Malaysia bagi graduan undang-undang di dalam dan dari luar negara.
2. Pada masa ini, perkara ini sedang diteliti dengan lebih mendalam.

Sekian, terima kasih.